

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 08 TAHUN 2018**

**Tarikh** : 29 Ogos 2018 (Rabu)  
**Masa** : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya  
**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ yang ke 8/2018. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti berikut :

- i) Puan Yang Dipertua memaklumkan mengenai pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Ogos 2018. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.

- ii) Seterusnya, Puan Yang Dipertua memaklumkan mengenai penyertaan beliau dalam Focus Group Discussion (FGD) di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai Dasar Komuniti Negara.

Perbincangan menjurus kepada fokus dalam memastikan kesejahteraan komuniti di kawasan perumahan terutamanya bagi perumahan kos rendah yang melibatkan struktur pentadbiran komuniti dan peranan kerajaan secara keseluruhannya. Hasrat kementerian adalah membentuk sebuah komuniti yang berdaya terutamanya di kawasan perumahan kos rendah.

Satu jawatankuasa perlu ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Komuniti Berdaya yang bertanggungjawab melihat kepada keperluan penduduk di kawasan perumahan tersebut. Jawatankuasa ini merangkumi semua pihak terdiri daripada ketua blok / tingkat, jawatankuasa masjid atau agama lain, JMB, wakil warga asing, wakil wanita serta semua pihak berkepentingan di dalam kawasan perumahan tersebut. Jawatankuasa ini akan dibantu secara langsung dan tidak langsung oleh pihak Majlis dan Kementerian.

Jawatankuasa Gerak Kerja akan ditubuhkan di peringkat PBT yang bertanggungjawab melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu di peringkat PBT sekurang-kurangnya 4 kali setahun dengan memanggil wakil-wakil daripada penduduk. Mesyuarat ini akan mendengar permasalahan yang dihadapi dan keperluan penduduk serta menyusun keutamaan. Seterusnya pihak Majlis boleh

menetapkan jenis bantuan, program dan kerjasama yang bersesuaian.

Kementerian memikirkan program ini perlu dilaksanakan memandangkan Kumpulan B40 (Golongan isi rumah yang berpendapatan purata bulanan di bawah RM 3,860.00) lebih memerlukan bantuan dari segi pemberdayaan komuniti mereka. Jabatan COB akan melengkapkan data-data berkaitan perumahan kos rendah untuk dibentangkan kepada Ahli Majlis tentang kedudukan perumahan kos rendah di bawah zon masing-masing seterusnya merangka jenis bantuan serta projek / program yang bersesuaian untuk dilaksanakan. Perancangan yang dipersetujui perlu dibentangkan untuk mendapatkan kelulusan bajet bagi tahun 2019. Program yang dicadangkan perlulah fokus kepada aspek kebersihan, kesihatan, pengurusan infrastruktur, sosial, alam sekitar dan keusahawanan.

- iii) Puan Yang Dipertua turut memaklumkan berkaitan Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan.
  
- iv) Puan Yang Dipertua telah memaklumkan mengenai program yang akan dilaksanakan sepanjang bulan September 2018 seperti berikut :

a) Program Sukan Malaysia (SUKMA) 2018

Sukan Malaysia atau SUKMA edisi ke 19 akan diadakan di Negeri Perak bermula 12 September 2018 hingga 22 September 2018. MPSJ telah menerima 4 pasukan angkat SUKMA yang mewakili Negeri Selangor iaitu:

- i) Pasukan Wushu
- ii) Pasukan Kriket
- iii) Pasukan Futsal Lelaki
- iv) Pasukan Futsal Wanita

Secara keseluruhan, seramai 81 orang pengurusan dan atlet akan terlibat di dalam pasukan pada kali ini. MPSJ sebagai bapa angkat berperanan untuk membantu setiap pasukan mengikut keperluan mereka.

b) Gotong Royong Perdana Peringkat MPSJ Sempena Bulan Kemerdekaan 2018

Program ini akan dilaksanakan secara serentak di 7 zon JKP seperti berikut :

**Tarikh : 1 September 2018 (Sabtu)**  
**Masa : 7.30 pagi**

<b>ZON JKP</b>	<b>LOKASI</b>
1	SS15/2
4	USJ 6/2
5	Taman Subang Mas
10	Jalan Merpati 4, 6,10
13	Tmn Puchong Intan 2

<b>ZON JKP</b>	<b>LOKASI</b>
16	Bandar Puteri 5 (TBC)
19	Vista Pinggiran, Ruselia & Kawasan Komersial

Pemilihan lokasi adalah berdasarkan situasi kes demam denggi semasa dan masalah kebersihan (isu tikus) di kawasan JKP. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pendedahan serta bekerjasama dengan penduduk dalam mengekang penularan kes demam denggi dan penyakit berjangkit yang lain. Aktiviti yang akan dilaksanakan adalah gotong royong pencegahan denggi dan program pembasmian tikus.

c) Program Generasi Sihat Dan Merdeka Di Bawah Program Generasi Bestari (Smart Gen) MPSJ 2018

Program ini merupakan salah satu modul dibawah program Anugerah Sekolah Sejahtera yang dirancang selaras dengan Pelan Strategik MPSJ 2012-2030 dalam Teras 2 : Perancangan dan Pembangunan Mampan serta Mersa Alam dan Teras 5 : Pembentukan Masyarakat Madani dalam mewujudkan masyarakat sihat dan sejahtera. Program akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 4 September 2018 (Selasa)**

**Masa : 8.30 pagi – 1.30 petang**

**Tempat : Surf Deck, Sunway Lagoon**

Pogram ini direalisasikan secara kolaboratif bersama badan korporat iaitu Sunway Lagoon Sdn. Bhd, Jabatan Pendidikan Selangor (JPNS) dan Jabatan Pendidikan Petaling Perdana (JPPP) sebagai usaha untuk mengeratkan kerjasama antara badan kerajaan dan korporat.

lanya melibatkan 43 buah sekolah di kawasan pentadbiran MPSJ merangkumi Sekolah Menengah dan Rendah yang berkonsepkan Treasure Hunt di dalam kawasan Sunway Theme Park.

d) **Pertandingan Akhir Suara Emas MPSJ 2018**

Pertandingan Suara Emas MPSJ 2018 akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 07 September 2018 (Jumaat)**

**Masa : 8.30 malam – 10.00 malam**

**Tempat :The Summit USJ**

Program ini pertama kali dianjurkan oleh MPSJ bagi mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang nyanyian dan terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 16 tahun dan ke atas.

v) **Puan Yang Dipertua turut memaklumkan hebahan berkaitan perkara berikut :**

a) **Pelantikan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Anti Denggi Kawasan**

Perlantikan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor dalam meletakkan tanggungjawab bersama bagi menangani masalah demam denggi pada masa kini. Ahli majlis akan menjadi penggerak utama dalam tindakan dan program bagi menangani kes demam denggi secara berterusan di kawasan zon JKP masing-masing.

Pihak MPSJ khususnya Jabatan Kesihatan akan menyalurkan maklumat situasi terkini kes demam denggi dan khidmat nasihat yang sewajarnya dari semasa ke semasa. Pelantikan ini diharapkan dapat mewujudkan jalinan yang erat antara MPSJ dan penduduk dalam menangani dan mengawal kes demam denggi.

- b) Pelaksanaan Pengurusan Lalu Lintas Fasa 3 Di Persimpangan Lebuhraya Shah Alam (KESAS) Dengan Persiaran Kewajipan, Subang Jaya

Pihak Majlis telah melaksanakan cadangan pelaksanaan Pengurusan Lalu Lintas Fasa 3 di persimpangan tersebut bermula 18 Ogos 2018 (Sabtu) di mana pihak Majlis telah menutup kedua-dua median dari arah USJ ke Lebuhraya Shah Alam (arah Kuala Lumpur) dan dari arah Subang Jaya ke Lebuhraya Shah Alam (arah Klang).

Sepanjang pelaksanaan penutupan ini, pemantauan Majlis mendapati pergerakan trafik agak lancar bagi keseluruhan cadangan sistem trafik yang baru ini.

Papan tanda peringatan dan papan tanda tunjuk arah telah disediakan di tapak dan pengguna jalan raya perlu mengikut tanda-tanda arah untuk melancarkan aliran lalulintas disamping bantuan daripada pihak Polis dan Jabatan-Jabatan dalaman MPSJ.

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 07/2018**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 07 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 31 Julai 2018 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Tiada perkara berbangkit.

### **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

#### **5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 15/2018 bertarikh 2 Ogos 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 3.2 & m/s 5	Encik Tai Cheng Heng	Permohonan Kebenaran Merancang – Opes Properties	Beliau menyatakan bahawa keputusan mesyuarat adalah bersetuju mengurangkan sumbangan dari RM



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Sdn Bhd	<p>500,000.00 kepada RM 350,000.00. Mengapakah pengurangan ini dibenarkan sedangkan pihak Majlis mempunyai masalah kekurangan bajet untuk membangunkan infrastruktur di kawasan tersebut?</p> <p><b>Maklumbalas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa bayaran sumbangan ini adalah berkaitan menaiktaraf kawasan lapang dan tidak berkaitan sumbangan berkaitan trafik. Perkara yang disyaratkan kepada syarikat ini adalah untuk menaiktaraf kawasan lapang yang terletak di seberang jalan besar dan LRT. Jawatankuasa memutuskan sebagai ganti syarikat perlu membangunkan kawasan lapang yang berhampiran dengan kediaman supaya penduduk dapat menikmati kemudahan tersebut.</p> <p>Pihak Majlis perlu merujuk samada pemajuan ini dibuat</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>sebelum atau selepas pengenaan ISF kerana sekiranya diputuskan selepas pengenaan ISF, tiada kompromi berkaitan pengurangan. Walau bagaimanapun, sunbangan tambahan masih boleh dibincangkan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Perancang Bandar</b></p>
2.				<p>Beliau menanyakan peranan MPSJ terhadap komen berkaitan penjualan tanah dari syarikat asal kepada syarikat baharu. Adakah terdapat prosedur bagi mengelakkan perkara ini berlaku?</p> <p><b>Maklumbalas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa urusan jual beli tanah adalah di luar bidang kuasa dan tidak dirujuk kepada pihak Majlis. Segala urusan jual beli adalah diuruskan sepenuhnya oleh Pejabat Tanah. Bagi tanah-tanah berstatus <i>leasehold</i> akan dibawa ke peringkat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Negeri untuk diputuskan. Puan Yang Dipertua meminta soalan dibuat secara bertulis di masa akan datang dan diserahkan sebelum mesyuarat agar jawapan yang lebih lengkap dapat disediakan. <b>Makluman</b>

**5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 16/2018 bertarikh 15 Ogos 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 6/2018 bertarikh 6 Ogos 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 07/2018 bertarikh 8 Ogos 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 07/2018 bertarikh 9 Ogos 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kawalan Perniagaan Bil. 07/2018 bertarikh 14 Ogos 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 06/2018 bertarikh 15 Ogos 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Bil. 05/2018 bertarikh 16 Ogos 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 07/2018 bertarikh 20 Ogos 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 5.6 & m/s 9	Encik Yap Kok	Kertas Makluman	Beliau menanyakan berkaitan berapakah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Weng	Laporan Tunggakan Sewa Perumahan Rakyat, Medan Selera dan Pasar Awam Milik MPSJ	<p>bilangan tunggakan bagi setiap penyewa. Diharap pihak Majlis mengambil kira faktor kebanyakan penyewa adalah dari golongan miskin.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa maklumat lengkap bilangan tunggakan boleh diperolehi daripada kertas mesyuarat iaitu secara keseluruhan sebanyak RM 760 ribu. Kadar sewa yang dikenakan hanyalah RM 120.00 sebulan. Pihak MPSJ telah membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan merujuk perkara ini kepada pihak Zakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bantuan bayaran sewa telah dibantu oleh pihak tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Majlis menghadapi masalah terhadap penghuni</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>yang tidak layak mendapat sebarang bantuan serta gagal membuat bayaran sewaan. Golongan ini yang akan dilihat kaedah bayaran yang bersesuaian seperti bayaran secara ansuran.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</b></p>
2.		Encik Mohd Saifullah Bin Mohd Zulkifli		<p>Beliau meminta tindakan penguatkuasaan dikenakan terhadap penyewa yang berkemampuan tetapi mempunyai tunggakan yang tinggi serta sengaja tidak membuat bayaran. Walau bagaimanapun, perlu diperhalusi kaedah bantuan terhadap penyewa yang golongan miskin tetapi masih belum mendapat bantuan daripada pihak berkaitan. Pihak Majlis boleh membantu dengan menyalurkan maklumat mereka kepada pihak zakat,</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>kebajikan masyarakat, pejabat adun atau pihak yang berkaitan. <b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan yang Dipertua memaklumkan bahawa beliau bersetuju dengan pandangan tersebut.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
3.	Para 5.7 & m/s 10	Encik Abbas Salimmi Bin Che Adzmi @ Azmi	Cadangan Untuk Melupuskan / Menjual Aset- Aset MPSJ	<p>Beliau menanyakan kenapa aset-aset tersebut hendak dijual, kenapa tidak disewakan supaya mendapat hasil bulanan.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa, aset-aset ini merupakan liabiliti kepada Majlis. Aset-aset ini merupakan bangunan / lot yang kosong serta tiada permintaan untuk sewaan. MPSJ terpaksa membayar kos pengurusan setiap bulan dalam jumlah yang agak tinggi. Sehubungan itu, Jawatankuasa</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				berpendapat adalah lebih baik liabiliti ini dilupuskan segera sebelum nilai pasaran jatuh.  <b>Makluman</b>
4.		Encik Yap Kok Weng		Beliau menanyakan kenapa Majlis tidak menjual 2 buah rumah peranginan yang terdapat di Port Dickson kerana rumah ini juga tidak mendapat sambutan dan lokasi yang tidak strategik.  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa tidak semua liabiliti menjadi bebanan kepada Majlis. Pihak Majlis hanya membuat penjualan terhadap liabiliti yang menjadi bebanan sahaja.  <b>Makluman</b>
5.	Para 5.5 & m/s 8	Encik Mohan Singh A/L Surtar	Cadangan Penetapan Harga Jual Beli Unit Kontra MPSJ Bagi	Beliau inginkan penjelasan bagaimana Syarikat Realiti Padu dan MPSJ mendapat keuntungan sekata?



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Singh	<p>Projek Cadangan Usaha Sama Di Antara Majlis Perbandaran Subang Jaya Dengan Realiti Padu Sdn.Bhd. Bagi Program Penempatan Dan Pembangunan Semula Setingan Di Belakang Pasar Fama, Jalan Jurutera, Batu 13, Puchong, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan</p>	<p>MPSJ perlu menubuhkan satu audit bagi menyemak akaun syarikat tersebut.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ telah melantik satu syarikat audit bagi memeriksa akaun syarikat tersebut dan memberi penilaian keseluruhan projek. Pada awal perjanjian cuma menyatakan hanya 30% kepada Majlis dan 70% kepada syarikat berdasarkan <i>net profit</i>. Perincian lanjut boleh diperolehi daripada minit mesyuarat teknikal yang berkenaan serta penilaian yang dibuat oleh penilai bebas yang telah dilantik.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</b></p>
6.	Para 5.8 & m/s 11	Encik Ismail Kamal	Kertas Cadangan Penyediaan	Beliau menanyakan berkenaan bajet bagi program/projek tahun

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
		bin Abdul Rahman	perbelanjaan Bagi pengurusan Program Untuk Aktiviti Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ	<p>2018 memandangkan bajet telah habis kerana dibelanjakan oleh Ahli Majlis sebelumnya.</p> <p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa program / projek masih boleh dilaksanakan dengan bajet yang berhemah dengan melaksanakan program / projek mengikut keutaamaan walaupun dengan peruntukan yang sedikit. Ahli majlis boleh mengemukakan cadangan terhadap projek yang difikirkan relevan dengan memberikan justifikasi terhadap cadangan tersebut.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

## 6.0 HAL-HAL LAIN

### 6.1 CADANGAN PENYUSUNAN AHLI MAJLIS SEBAGAI PENERUSI JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI PENGGAL 2018 -2020

Kertas mesyuarat ini disediakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat dan telah dibentangkan oleh Timbalan Yang Dipertua MPSJ.

#### Keputusan Mesyuarat :

- i) Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut.
- ii) Penentuan kawasan zon terkini adalah seperti berikut :

#### DNS SUBANG JAYA (N.31) – Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE

JKP ZON	KAWASAN JKP	AHLI MAJLIS
1	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ SS12 – SS19,</li><li>▪ TAMAN WANGSA BAIDURI</li></ul>	CHIA YEW KEN (DAP)
2	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ PJS 7, 9, 11</li><li>▪ BANDAR SUNWAY</li></ul>	ISMAIL KAMAL BIN ABDUL RAHMAN(PKR)
3	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ USJ 7 – USJ 22</li><li>▪ TAMAN TANAMERA</li></ul>	LEE JEN UYIN (DAP)
4	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ TAMAN PERUMAHAN TP 1 – 2</li><li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN UEP (TP 3 - 6)</li><li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN SUBANG USJ 1</li><li>▪ USJ 1 – 6</li></ul>	AR. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM (AMANAH)

**DNS BATU TIGA (N.41) – Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL**

<b>JKP ZON</b>	<b>KAWASAN JKP</b>	<b>AHLI MAJLIS</b>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN BATU TIGA</li> <li>▪ TAMAN MUTIARA SUBANG</li> <li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN SUBANG HI-TECH</li> <li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN UEP (TP 7)</li> <li>▪ TAMAN PINGGIRAN USJ</li> <li>▪ TAMAN SUBANG HEIGHTS</li> <li>▪ TAMAN SUBANG MAS</li> <li>▪ TAMAN USJ HEIGHTS</li> <li>▪ TROPICANA METROPARK</li> </ul>	KESHMINDER SINGH A/L K.KARAM SINGH (PKR)

**DNS KOTA KEMUNING (N.50) – Y.B. TUAN GANABATIRAU VERAMAN**

<b>JKP ZON</b>	<b>KAWASAN JKP</b>	<b>AHLI MAJLIS</b>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ USJ 23 – USJ 27</li> </ul>	KOH ENG KEE (AMANAH)
7	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN PUTRA HEIGHTS</li> <li>▪ KAMPUNG BUKIT LANCHONG</li> </ul>	MOHD TARMIZI BIN LAZIM (PPBM)

**DNS KINRARA (N.30) – Y.B. TUAN NG SZE HAN**

<b>JKP ZON</b>	<b>KAWASAN JKP</b>	<b>AHLI MAJLIS</b>
9	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ BANDAR METRO PUHONG</li> <li>▪ LAKE SIDE</li> <li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG SEKSYEN 1, 5 DAN 6</li> <li>▪ TAMAN SRI PUCHONG</li> <li>▪ TAMAN DENAI PUCHONG</li> </ul>	MOHD SAIFULLAH BIN MOHD ZULKIFLI (PKR)
10	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ BUKIT TANDANG</li> <li>▪ BANDAR PUCHONG JAYA</li> <li>▪ KAMPUNG LEMBAH KINRARA</li> <li>▪ PUSAT PERDAGANGAN ONE PUCHONG</li> <li>▪ TAMAN BUKIT KINRARA</li> </ul>	NG SEOW CHEN (DAP)
11	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN KINRARA SEKSYEN 1 – 5 DAN 7</li> <li>▪ TAMAN PAIK SIONG</li> <li>▪ TAMAN BUKIT KUCHAI</li> <li>▪ AMAN SARI</li> <li>▪ TAMAN TENAGA</li> <li>▪ TAMAN KANDAN BARU</li> <li>▪ TAMAN KANDAN LAMA</li> <li>▪ KOMPLEKS SURIA KINRARA</li> <li>▪ PUSAT PERNIAGAAN KINRARA</li> </ul>	KAVITHA A/P CHANDRAGESEN (PKR)

<b>JKP ZON</b>	<b>KAWASAN JKP</b>	<b>AHLI MAJLIS</b>
13	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN PUCHONG INTAN</li> <li>▪ TAMAN PUCHONG INDAH</li> <li>▪ TAMAN PUCHONG PERDANA</li> </ul>	MOHD FITRI BIN JAMALUDIN (PKR)
16	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN MUTIARA PUCHONG</li> <li>▪ LAKE EDGE</li> <li>▪ PUSAT BANDAR PUCHONG</li> <li>▪ PUCHONG BATU 12</li> <li>▪ BANDAR PUTERI</li> </ul>	YAP KOK WENG (DAP)
18	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ BANDAR KINRARA</li> <li>▪ TAMAN PUNCAK KINRARA</li> <li>▪ KEM TENTERA KINRARA</li> <li>▪ TAMAN PUNCAK JALIL</li> <li>▪ TAMAN DAMAI UTAMA</li> <li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN KINRARA SEKSYEN 1 DAN 2</li> </ul>	MEHANATAN A/L EMBAMURTHI (DAP)

**DNS SRI SERDANG (N.29) – Y.B. DR.SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

<b>JKP ZON</b>	<b>KAWASAN JKP</b>	<b>AHLI MAJLIS</b>
8	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ KAMPUNG KENANGAN</li> <li>▪ KAMPUNG BATU 13 ½</li> <li>▪ KAMPUNG TENGAH A</li> <li>▪ KAMPUNG TENGAH B</li> <li>▪ KAMPUNG KUALA SUNGAI BARU</li> </ul>	AHMAD FAIDZAL BIN MOHAMED (PPBM)
12	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ KAMPUNG SRI PUCHONG BATU 13</li> <li>▪ KAMPUNG BERSATU</li> <li>▪ KAMPUNG SRI LANGKAS</li> <li>▪ KAMPUNG SRI LANGKAS TAMBAHAN</li> <li>▪ KAMPUNG SRI ANDALAS</li> <li>▪ KAMPUNG SRI AMAN LUAR</li> <li>▪ KAMPUNG SRI AMAN TENGAH</li> <li>▪ KAMPUNG SRI AMAN DALAM</li> <li>▪ KAMPUNG SRI AMAN HILIR</li> <li>▪ PUCHONG HORIZON</li> </ul>	ABBAS SALIMMI BIN CHE ADZMI @ AZMI (AMANAH)
14	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN PUCHONG PERMAI</li> <li>▪ TAMAN DESA MILLENIA</li> <li>▪ TAMAN PUCHONG PRIMA</li> <li>▪ TAMAN TASIK PRIMA</li> <li>▪ TAMAN PUCHONG TEKALI</li> <li>▪ TAMAN PINGGIRAN PRIMA</li> </ul>	SHARMAZIRA BINTI MD SHARIF (PKR)
15	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG UTAMA</li> <li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG UTAMA SEKSYEN 1 DAN 2</li> <li>▪ TAMAN PUCHONG UTAMA</li> </ul>	DATO' KAMARUZZAMAN BIN IBRAHIM (AMANAH)

<b>JKP ZON</b>	<b>KAWASAN JKP</b>	<b>AHLI MAJLIS</b>
17	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN INDUSTRI PUSAT BANDAR PUCHONG</li> <li>▪ PKNS PUCHONG BATU 13 ½</li> <li>▪ TAMAN PUCHONG HARTAMAS</li> <li>▪ PUCHONG BATU 14</li> <li>▪ KAMPUNG BARU PUCHONG</li> <li>▪ BANDAR PUCHONG UTAMA</li> <li>▪ BANDAR BUKIT PUCHONG</li> <li>▪ TAMAN SAUJANA PUCHONG</li> <li>▪ TAMAN MUTIARA INDAH</li> <li>▪ TAMAN PUCHONG IMPIAN</li> </ul>	THOMAS LOW YEW SIN (DAP)
19	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN LESTARI PUTRA</li> <li>▪ PUSAT PERNIAGAAN SURIA PUCHONG</li> <li>▪ TAMAN DESAMINIUM</li> <li>▪ KOTA PERDANA</li> <li>▪ PUSAT BANDAR PUTRA PERMAI</li> <li>▪ TAMAN DATO DEMANG</li> <li>▪ TAMAN PINGGIRAN PUTRA</li> <li>▪ TAMAN EQUINE</li> <li>▪ TAMAN LESTARI PERDANA</li> <li>▪ BANDAR PUCHONG SOUTH</li> <li>▪ HUTAN SIMPAN AYER HITAM</li> <li>▪ PUSAT PERNIAGAAN D'ALPINIA</li> <li>▪ PUSAT PERNIAGAAN THE ATMOSPHERE</li> <li>▪ TAMAN PERTANIAN UPM</li> </ul>	M AMBARASAN A/L MURUGESU (PKR)
20	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN SERDANG JAYA</li> <li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN SERDANG</li> <li>▪ TAMAN SRI SERDANG</li> <li>▪ UPM</li> </ul>	ENCIK MOHAN SINGH A/L SURTAR SINGH (DAP)

**DNS SERI KEMBANGAN (N.28) – Y.B. TUAN EAN YONG WAH**

<b>ZON</b>	<b>KAWASAN JKP</b>	<b>AHLI MAJLIS</b>
21	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TAMAN BUKIT SERDANG SEKSYEN 1 – 3</li> <li>▪ TAMAN SERDANG HEIGHTS (SUNGAI KUYOH) SEKSYEN 1 – 7</li> <li>▪ TAMAN UNIVERSITI INDAH</li> <li>▪ PUSAT PERDAGANGAN SERI KEMBANGAN</li> </ul>	WONG SIEW KI (DAP)
22	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ KAMPUNG BARU SERI KEMBANGAN</li> <li>▪ TAMAN JINMA</li> <li>▪ TAMAN BUKIT SERDANG SEKSYEN 4 – 11</li> <li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN SEKSYEN 14</li> <li>▪ TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA</li> <li>▪ TAMAN PERINDUSTRIAN PUTRA PERMAI</li> </ul>	TAI CHENG HENG (DAP)

ZON	KAWASAN JKP	AHLI MAJLIS
23	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ TAMAN SERDANG RAYA</li><li>▪ TAMAN SERDANG PERDANA SEKSYEN 1 – 6</li><li>▪ TAMAN MUHIBBAH</li></ul>	WONG YII SEANG (DAP)
24	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ TAMAN SUNGAI BESI INDAH</li><li>▪ TAMAN BELIMBING INDAH</li><li>▪ TAMAN SERDANG LAMA</li><li>▪ THE MINES SOUTHEN LAKE</li><li>▪ THE MINES RESORT CITY</li></ul>	THAMILARUSU SANDAYAN (DAP)

## 6.2 NOTIS USUL – PELANTIKAN AHLI MAJLIS ANGKAT BAGI ZON 21

Notis usul ini telah dibentangkan oleh Encik Yap Kok Weng, Ahli Majlis MPSJ.

### Keputusan mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** untuk melantik Encik Tai Cheng Heng selaku Ahli Majlis angkat bagi JKP Zon 21 disebabkan oleh Puan Wong Siew Ki telah meletak jawatan kerana terlibat dengan Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Balakong.

Pelantikan ini berkuatkuasa 1 September 2018 sehingga pengisian semula Ahli Majlis baharu yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pembayaran Elaun Tanggung Kerja kepada Ahli Majlis yang menanggung kerja adalah merujuk kepada Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 1 tahun 2017 – Garis Panduan Tatacara Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor iaitu mengikut kadar tanggung kerja bagi penjawat awam iaitu  $\frac{1}{4}$  daripada Elaun Tetap Ahli Majlis.

## **7.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **September 2018** akan diadakan pada **26 September 2018 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 29 Ogos 2018

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T**  
Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**



## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                                 | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran Mesyuarat | - | Setiausaha  |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng  | - | Ahli Majlis |
| 4.  | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "           |
| 5.  | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim  | - | "           |
| 6.  | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim  | - | "           |
| 7.  | Encik M Anbarasan a/l Murugesu  | - | "           |
| 8.  | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin  | - | "           |
| 9.  | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "           |
| 10. | Puan Kavitha a/p Chandragesan   | - | "           |
| 11. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman   | - | "           |
| 12. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh  | - | "           |
| 13. | Encik Thomas Low Yew Sin  | - | "           |
| 14. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "           |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "           |
| 16. | Encik Chia Yew Ken  | - | "           |
| 17. | Encik Tai Cheng Heng  | - | "           |

18.	Encik Thamilarasu Sandayan	-	"
19.	Encik Wong Yii Seang	-	"
20.	Encik Lee Jen Uyin	-	"
21.	Puan Ng Seow Chen	-	"
22.	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	-	"
23.	Encik Koh Eng Kee	-	"
24.	Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim	-	"
25.	Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed	-	"

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

8. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
9. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
11. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
12. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan  
Pengarah, Jabatan COB
14. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
15. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
16. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
17. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
18. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
19. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
20. Puan Helda Syima binti Abu Bakar  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

21. Puan Siti Mahirah binti Sidik  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
2. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil

### **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan